

0788

U 8097 BAH
MAHATHIR - RAZALEIGH

GUA MUSANG, 24 OGOS (BERNAMA) -- TAWARAN JAWATAN MENTERI KEPADA BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH TELAH LAMA LUPUS, KATA PERDANAMENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA TAWARAN ITU LUPUS BEBERAPA LAMADAHULU, DAN YANG WUJUD SEKARANG IALAH TAWARAN KEPADA SEMUA ORANG MELAYU UNTUK MENYERTAI UMNO.

+SAYA HANYA TAWAR (KEPADA TENGGU RAZALEIGH) UNTUK MENYERTAI PARTI,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG, DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MEMBUAT TAWARAN ITU, SELAKU PRESIDEN UMNO, DALAM UCAPAN AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 30 OKT LEPAS.

KETIKA DITANYA TENTANG TAWARAN KEPADA BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK HUSA HITAM,PERDANA MENTERI BERKATA: +BELIAU(DATUK MUSA) SUDAH JADI AHLI UMNO . . . KITA TIDAK PERLU TIENAWAR.+ -- LAGI
2021MST 24 08 89

0006

U B101 BAH
MAHATHIR - RAZALEIGH 2 GUA MUSANG

KETIKA BERUCAP SEBELUM ITU,PERDANA MENTERI BERKATA, KEKUATAN UMNO SEBAGAI TULANG BELAKANG BARISAN NASIONAL (BN) BUKAN SAHAJA MEMANFAATKAN ORANG MELAYU MALAH.KAUM-KAUM LAIN TURUT MENIKMATI KEMAKMURAN HASIL DARIPADA KESTABILAN NEGARA.

+ORANG HELAYU HENDAKLAH MEMASTIKAN AGAR UMNO MENJADI SEBUAH PARTI YANG KUKUH KERANA AMATLAH PENTING UMNO MENJADI TULANG BELAKANG YANG KUKUH (DALAM BN),+ KATANYA.

MENURUTNYA, RAKYAT JUGA HENDAKLAH TIDAK MENYOKONG KUMPULAN-KUHPULAN SERPIHAN AGAR BN DAPAT MEMENANGI PILIHAN RAYA UNTUK MENUMPUKAN SEMULA KEPADA USAHA PEMBANGUNAN.

BELIAU MENGGESA ORANG MELAYU DARI SELURUH NEGARA MENGUTAMAKAN PERPADUAN BAGIMENGEMBALIKAN KEKUATAN SEPERTI SEMASA MENENTANG PENUBUHAN MALAYAN UNION OLEH PENJAJAH BRITISH.

KATANYA, NEGERI-NEGERI MELAYUPADA ZAMAN DAHULU MUDAH DIJAJAH KERANA MEREKA TIDAK MAHU BERSATU DI BAWAH SEBUAH PERSEKUTUAN DAN MEMENTINGKAN SEMANGAT KENEGERIAN. -- LAGI
2053MST 24 08 89

DO30

U B112 BAH
MAHATHIR - RAZALEIGH 3 GUA MUSANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGESA ORANG MELAYU, TERMASUK PENYOKONG KUMPULAN SERPIHAN, SUPAYA MENYERTAI UMNO TANPA SEGAN SILU TETAPI HENDAKLAH JUJUR TERHADAP PERJUANGAN PARTI.

BELIAU BERKATA, UMNO KINI TELAH MENGETEPIKAN PERSELISIHAN YANG BERLAKU PADA MASA LEPAS MALAH MENERIMA SEMULA BEBERAPA PEMIMPIN SEBAGAI ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI DEMI MENGUTAMAKAN PERPADUAN MELAYU.

PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENGETEPIKAN RASA TIDAK PUAS HATI TERHADAP TINDAKAN KUMPULAN SERPIHAN UMNO SEBELUM INI KERANA MENYEDARI +PERASAAN DIRI TIDAK DAPAT MEMAINKAN PERANAN UNTUK PERPADUAN MELAYU.+

MENGENAI PEREBUTAN JAWATAN DALAM PARTI,PERDANA MENTERI BERKATA, TRADISI UMNO TIDAK PERNAH MEMPERLIHATKAN PERTANDINGAN BAGI JAWATAN TERTINGGI KERANA IA BOLEH MENYEBABKAN PERPECAHAN YANG BESAR.

+SEKIRANYA PERPECAHAN BERLAKU PADA PERINGKAT BAWAHAN, IA MASIH BOLEH DIRUJUK KEPADA PERINGKAT ATASAN . . . TETAPI KALAU PERPECAHAN BERLAKU DI PERINGKAT TERTINGGI,MAKA TIDAK ADA TEMPAT UNTUK DIRUJUK (UNTUKMENCARI PENYELESAIAN),+ TAMBAHNYA. -- LAGI
2129MST 24 08 89

DO35

U B115 BAH
HAHATHIR - RAZALEIGH 4 GUA HUSANG

PERDANAMENTERI JUGA HENYEBUT HENGENAI PART1 SEHANGAT 46, YANG BERHULA DARIPADA PERPECAHAN ORANG HELAYU SEDANGKAN, MENURUTNYA, SEHANGAT YANG WUJUD PADA TAHUN ITU SEBENARNYA BERPUNCA DARIPADA PERPADUAN ORANG HELAYU DARI SELURUH NEGARA UNTUK HENENTANG PENJAJAHAN.

BELIAU JUGA MEMBIDAS TENOKU RAZALEIGH KERANA BANYAK BERHUTANG SEHASA HENJADI HENTERI KEWANGAN KONONNYA UNTUK PEHBANGUNAN TETAPI SEMATA-MATA UNTUK POPULARITI SENDIRI.

DATUK SERI DR HAHATHIR BERHARAP UHNO DI GUA HUSANG AKAN KEMBALI MENJADI UMNO YANG TERKUAT DI NEGERI INI SEHINGGA OAPAT MEMASTIKAN KEJAYAAN CALON BN PADA PILIHAN RAYAUMUM KELAK.

SEHASA BERUCAP, HENTERI BESAR TAN SRI HAJI HOHAHED YAACOB BERKATA, GAGASAN PEHBANGKANG YANG DICADANGKAN, ANGKATAN PERPADUAN UMMAH (APU), HANYA HERUPAKAN KERJASAHA SEHENTARA DAN AKAN BERPECAH TIDAK LAHA LAGI.

BELIAU JUGA HENAFIKAN KONONNYA PEHBANGUNAN DI KELANTAN DIABAIKAN OLEH KERAJAAN PUSATMALAH, HENURUT BELIAU, PERUNTUKAN UNTUK NEGERI INI DARIPADA KERAJAAN PUSAT MERUPAKAN YANG KETIGA TERBESARDI ANTARA NEGERI-NEGERI. -- LAGI

2138MST 24 08 89
UU47

U 8120 BAH
HAHATHIR - RAZALEIGH 5 GUA MUSANG R' R' R'
(ULANGAN MENUKAR +PRESIDEN BN+ KEPADA +PENGERUSI BN+ PADAPARA AKHIR)

KETUA UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG, DATUK HAJI ARIFFIN SAID, PULA BERKATA, SEHINGGA INI UMNO BAHAGIAN ITU MEMPUNYAI 11,159 ANGGOTA DARIPADA 102 CAWANGAN.

DATUK HAJI ARIFFIN, YANG MERUPAKAN BEKAS MENTERI BESAR, BERKATA KESEHUA JAWATAN DALAH BAHAGIAN ITU DIHENANGI TANPA BERTANDING.

TAMBAHNYA, UMNO BAHAGIAN ITU AKAN HEHBINA BANGUNANNYA SENDIRI DI BANDAR BARU GUA HUSANG.

SEBELUH ITU, KETIBAAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITIHASMAL DISAHBUT HERIAH OLEH RIBUAN ORANG, TERMASUK WANITA-WANITA PENGIRING YANG MENJUNJUNG PULUT BUNGA TELUR DAN KUMPULAN SILAT.

MEREKA YANG TURUT HADIR IALAH TIHBALAN HENTERI BESAR DATUK AHMAD RASTOH AHMAD MAHER, TIHBALAN HENTERI PERUHAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SENATOR DATUK HAJI HUSSEIN AHMAD, TIHBALAN HENTERI PERTANIAN ENCIK KASSIM AHMAD, SETIAUSAHA PARLIHEN KEHENTERIAN PENERANGAN DATUK HAJI DUSUKI AHMAD, SERTA PARA PEHIHPIN PART1 KOHPONEN BN NEGERI.

SELEPAS ITU, DATUK SERI DR HAHATHIR, YANG JUGA PENGERUSI BN, MENGADAKAN PERTEHUAN DENGAN PEHIMPIN HCA GUA MUSANG. -- BERNAMA
2156MST 24 08 89